

16 JUL 2001

Mahathir-Protes

JANGAN BIMBANG DENGAN BANTAHAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas golongan yang suka membantah terhadap apa sahaja perkara.

Beliau bagaimanapun menasihatkan rakyat keseluruhannya agar jangan bimbang dengan perbuatan golongan itu.

Menujuk kepada penangkapan lebih 30 orang kerana mengambil bahagian dalam perhimpunan haram di kem tahanan Kamunting sebagai menunjukkan bantahan terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Dr Mahathir berkata beliau tidak fikir ia satu bantahan yang besar.

"Saya tidak tahu berapa ramai, saya belum menerima laporan mengenainya. Tapi ini budaya baru, nampaknya kita kena bantah terhadap apa sahaja," kata beliau pada persidangan berita selepas menyampaikan ucap-tama pada Forum Tenaga Elektrik Malaysia 2001 di sini.

Dr Mahathir berkata ini juga menjadi trend di seluruh dunia, dan beliau telah diberitahu bahawa kira-kira 100,000 orang merancang akan mengadakan bantahan terhadap mesyuarat G7, mesyuarat negara-negara terkaya di dunia yang akan berlangsung di Itali.

"Itu jauh lebih besar. Di Malaysia mungkin 30 orang, 100 orang mengadakan bantahan, perkara kecil. Saya tak nampak sebab mengapa orang ramai harus bimbang mengenainya," kata beliau.

Menyentuh cadangan pindaan terhadap Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971, Dr Mahathir berkata ia perlu mengambil sedikit masa bagi memastikan objektif pindaan itu tercapai.

"Kalau kita buat sesuatu pindaan yang membawa result (keputusan) yang tak baik, kemudian orang nanti kata kita buat sesuatu secara gopoh," katanya.

Cadangan meminda akta itu timbul selepas kerajaan mendapati kalangan pelajar universiti tidak lagi menggunakan kemudahan yang disediakan untuk belajar, sebaliknya lebih cenderung membabitkan diri dalam kegiatan luaran yang tiada kaitan dengan bidang pelajaran mereka.

Dr Mahathir mengulangi bahawa universiti sekarang ini tidak lagi berfungsi sebagai universiti tetapi menjadi pusat agitasi.

"Para penuntut tak belajar. Kita belanja duit banyak, duit rakyat, dan kita tak dapat hasil yang kita kehendaki. Kita akan ambil tindakan," katanya.

-- BERNAMA

MAM ZS NMO